

BULETIN



JABATAN SEJARAH

No. 6 | Disember 2017

DARI MEJA KETUA JABATAN

Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja

Tahun 2017 Dalam Kenangan



Begitu cepat masa berlalu dan kita akan melangkah ke tahun baharu 2018 yang pasti akan meninggalkan lebih banyak kenangan. Tahun 2017 meninggalkan banyak kenangan manis dan pahit bagi jabatan dan penulisan ini akan mengesan perjalanan jabatan sepanjang tahun ini yang mencatatkan pelbagai aktiviti dan kejayaan.

Kehilangan Staf Akademik

Pada awal tahun ini, jabatan kehilangan dua staf akademik yang banyak menyumbang tenaga kepada kemajuan jabatan. Mereka ialah Dr. Mohd Supian Sabtu pada bulan Februari dan Dr. Azhar Mad Aros pada bulan Mei. Kedua-dua mereka telah berkhidmat di jabatan lebih daripada 15 tahun. Dr. Supian berkepakaran dalam bidang arkeologi sementara Dr. Azhar dalam bidang Sejarah Jepun. Kedua-dua mereka mempunyai keistimewaan tersendiri dan jabatan amat merasakan kehilangan mereka. Saya percaya kehilangan mereka sentiasa dirasai oleh kakitangan dan pelajar jabatan serta dunia akademik.

Pelantikan Staf Baharu

Pada tahun ini juga jabatan telah melantik Dr. Akiko Sugiyama, pensyarah berbangsa Jepun sebagai staf kontrak untuk mengajar Sejarah Jepun, China dan Asia Tenggara. Dr. Akiko berkepakaran dalam bidang Sejarah Indonesia Modern dan berkelulusan Ph.D. dari Universiti Hawaii. Dr. Akiko dapat menyesuaikan diri dengan suasana pengajaran dan pembelajaran di jabatan dan diharap menyumbang kepada kemajuan jabatan.

Profesor Pelawat

Pada tahun ini juga jabatan berjaya melantik Prof. Andrew Peacock dari Universiti St. Andrew, United Kingdom sebagai Profesor Pelawat mulai September 2017 dan akan bersama jabatan sehingga Mac 2018. Beliau berkepakaran dalam bidang Sejarah Asia Barat dan kehadiran di sini untuk membuat penyelidikan tentang aktiviti Turki Othmaniah di Asia Tenggara. Sepanjang keberadaan di jabatan, beliau diminta membentangkan kertas kerja dalam seminar jabatan untuk

pelajar ijazah lanjutan dan memikirkan cara menjalinkan kerjasama akademik antara Jabatan Sejarah dengan institusi beliau.

Lawatan Ke Universiti Kent

Pada 20-24 Mac tahun ini Ketua Jabatan, dan Dr. Abu Hanifah Haris telah melawat Universiti Kent untuk menjalinkan kerjasama akademik. Lawatan ini memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk bertukar idea cara menjalinkan kerjasama akademik. Jabatan akan bertindak untuk memastikan kerjasama ini direalisasikan melalui pertukaran pelajar, penyelidikan staf di Universiti Kent dan pertukaran maklumat tentang kursus dan bahan pengajaran.

Kedudukan QS Ranking Jabatan Sejarah

Satu berita baik tahun ini ialah Jabatan Sejarah berjaya menduduki tempat pertama dalam penarafan QS mengikut subjek yang diumumkan oleh Timbalan

...bersambung di ms 2

DARI MEJA KETUA JABATAN



Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Awang Bulgiba pada 8 Mac 2017. Sebelum ini Universiti Sains Malaysia menduduki tangga pertama dan ini memang satu kejayaan yang membanggakan. Jabatan yakin kedudukan ini akan dapat dikekalkan pada tahun hadapan dan tahun mendatang.

Seminar Jabatan

Tahun ini juga menyaksikan jabatan terus aktif menganjurkan pelbagai seminar di peringkat jabatan. Antaranya ialah:

- *Family Values as Ideology: Searching for Roots of the Bapak State in Indonesia* oleh Dr. Akiko Sugiyama.
- *Inequalities in Political Representation and Participation: A Case Study of Indian Parliament* oleh Dr. Mohammad Aftab Alam.
- Perdebatan Yang Hilang: Satu Penilaian Semula oleh Prof. Madya Dr. Hamidin Abd. Hamid.
- *A treaty, a kris and an alliance: The Portuguese and the Sultanate of Pahang in 1614* oleh Prof. António Vasconcelos de Saldanha.
- *Malaysia: The hub of Southeast Asia* oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim.
- Antara Mitos dan Sejarah: Ular di Alam Melayu oleh Dr. Azharudin Mohamed Dali.
- Ekskavasi Arkeologi di Felda Inas Utara, Ulu Sayong, Johor oleh Dr. Yunus Sauman.
- *Malaya After World War II: In The Throes of Nation Building* oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim.
- *Pan-Islamic Plot Or Colonial Paranoia? Ottoman Activities in Southeast Asia, c. 1850-1916* oleh Professor Andrew Peacock.

Semua seminar ini mendapat sambutan yang baik dan ini menunjukkan Jabatan Sejarah meneruskan tradisi percambahan ilmu melalui seminar yang pasti dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dan menjadikan Jabatan Sejarah lebih *visible*.

Seminar Rakyat

Pada tahun ini juga jabatan menganjurkan satu siri seminar baharu berjudul "Sejarah Rakyat" pada 26 Ogos 2017 yang memberi ruang bagi perkongsian ilmu oleh mereka yang melalui pengalaman pahit getir dalam peristiwa sejarah seperti pendudukan Jepun dan kesan pembangunan pada era pemerintahan British dan selepasnya. Seminar ini memberi ruang untuk golongan yang dipinggirkan dalam sejarah berkongsi pengalaman dengan khalayak umum.

Tema pertama yang mendapat tempat dalam syarahan ini ialah "Jalan Kereta Api Maut" dan mendapat sambutan yang baik dari kalangan ahli akademik dan orang ramai. Jabatan akan meneruskan seminar ini pada tahun hadapan dengan beberapa tema baru. Penganjuran seminar ini menunjukkan Jabatan Sejarah tidak lagi terikat dengan isu dan disiplin kemanusiaan di peringkat tertinggi tetapi mula terlibat di peringkat akar umbi. Dalam lain perkataan cuba memasyarakatkan sejarah.

Seminar Wacana Ilmiah

Satu-satunya seminar yang diadakan untuk membantu pelajar ijazah dasar dan tinggi dalam penyelidikan dan penulisan adalah Seminar Wacana Ilmiah. Seminar ini juga mendapat sambutan yang baik dan pada tahun ini dua tajuk berjaya dibincangkan iaitu

"Keterampilan dalam Penulisan Akademik" yang dibentangkan oleh Profesor Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak pada 17 Mac 2017 (Jumaat) dan kedua bertajuk "Pendekatan Sains Sosial dalam Disiplin Sejarah" oleh YBhg. Profesor Dato' Dr. Md. Qasim Ahmad pada 12 Mei 2017 (Jumaat). Seminar ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan topik-topik yang dapat membantu penyelidikan dan penulisan pelajar.

Seminar STPM Peringkat Kebangsaan

Seminar STPM merupakan aktiviti tahunan jabatan dan tahun ini merupakan tahun ketiga seminar ini dianjurkan. Seminar ini mendapat sambutan yang baik dan setiap tahun bilangan peserta bertambah dan ini semestinya suatu berita baik bagi jabatan, fakulti dan universiti. Seminar ini memberi kesempatan kepada jabatan untuk memperkenalkan universiti kepada pelajar sekolah dengan menjemput Pegawai dari Pusat Pemasaran dan Pengambilan, UM untuk memberikan ceramah tentang mengapa Universiti Malaya harus menjadi pilihan pertama untuk mereka memohon kemasukan ke universiti. Menerusi seminar ini juga jabatan mengambil kesempatan memperkenalkan kursus-kursus fakulti dan jabatan dan ini pasti menyumbang kepada kemasukan pelajar ke fakulti dan universiti. Sesungguhnya seminar ini telah menambahkan bilangan pelajar yang mendaftar untuk ijazah dasar di jabatan sejak dua tahun kebelakangan ini. Seminar ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan penambahan dua lagi subjek iaitu geografi dan pengajian perniagaan.

...bersambung di ms 3

DARI MEJA KETUA JABATAN



Seminar Guru Sejarah

Seminar Guru Sejarah yang diadakan pada 10-11 Ogos merupakan aktiviti bermakna yang dianjurkan oleh jabatan pada tahun ini. Seminar ini diadakan untuk memberi pendedahan tentang konten tema-tema terpilih sejarah tingkatan 5, menunjukkan kaedah menggubal soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan membimbang dan mencadangkan kepada guru bahan bacaan dan kajian terkini mengenai Sejarah Malaysia. Seminar ini disertai oleh hampir 100 orang guru sejarah dari seluruh negara. Pembentang kertas kerja pula terdiri daripada pensyarah jabatan sejarah yang memberikan pencerahan tentang soalan-soalan KBAT dan masalah pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Seminar ini turut menjemput pensyarah dari Institut Pengajian Guru (IPG) Kampus Perempuan Melayu, Melaka, Dr. Ummadevi Suppiah membincangkan tentang kekurangan yang dikenalpasti dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah. Dalam sesi akhir seminar ini, guru-guru berpeluang untuk mendengar pembentangan kaedah pengajaran terkini oleh guru cemerlang sejarah dan pemenang Anugerah Ikon Guru Kebangsaan 2014, Puan Hanita Ladjharon. Seminar ini akan diadakan pada tahun hadapan dengan kerjasama Persatuan Guru Sejarah Malaysia dan sukanan yang akan menjadi tumpuan ialah Sejarah Tingkatan 4.

Penambahbaikan Pembentangan Kertas Cadangan Ijazah Tinggi

Satu kelemahan besar yang dikenal pasti dalam pembentangan kertas cadangan pelajar ialah

permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan kajian literatur.

Masalah ini telah ditangani pada tahun ini dengan memaklumkan kepada pelajar ijazah lanjutan segala kekurangan yang dikenalpasti dalam pembentangan seminar awal, CD, akhir, viva dan laporan pemeriksa. Calon juga dibantu dengan menyediakan bahan-bahan bacaan yang relevan bagi menambah baik pembentangan.

Kertas cadangan yang disediakan oleh calon akan dinilai oleh Ketua Jabatan sebelum calon membuat pembentangan. Jabatan percaya kaedah terbaharu ini akan dapat menentukan pembentangan pelajar menepati piawaian jabatan dan pelajar boleh bersedia dengan lebih baik bagi seminar-seminar seterusnya. Pendekatan ini telah dilaksanakan pada bulan September dan akan berjalan lancar mulai tahun hadapan.

Pakar Rujuk Buku Teks Sejarah

Tiga staf jabatan dilantik sebagai Pakar Rujuk Buku Teks Sejarah Kementerian Pendidikan Malaysia dari 2018-2022. Mereka ialah Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja dan Dr. Ho Hui Ling. Tugas Pakar Rujuk adalah satu tanggungjawab yang besar kerana pakar rujuk dikehendaki menilai buku teks sejarah Tingkatan 2-5.

Pakar Rujuk juga memikul tanggungjawab menyelesaikan fakta sejarah dan harus terbuka kepada kritikan pihak luar apabila berlakunya kesalahan fakta dan penulisan yang bersifat bias.

Malam Anugerah dan Tautan Kasih Fakulti Sastera

Jabatan Sejarah telah memenangi beberapa hadiah dalam Majlis Anugerah Fakulti 2016 yang diadakan pada 24 Mei 2017 di Dataran Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Hadiah yang dimenangi oleh Jabatan adalah: 1. Anugerah Penyeliaan Ph.D. Paling Ramai – Prof. Datuk Dr. Danny Wong Tze Ken; 2. Anugerah Penyeliaan Sarjana (Mod Penyelidikan) Paling Ramai – Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus; 3. Anugerah Penerbitan Terbanyak Jurnal, Bab Dalam Buku dan Buku; 4. Anugerah Pengijazahan Sarjana (Mod Penyelidikan) Paling Ramai dan 5. Anugerah Pengijazahan Ph.D. Paling Ramai.

Rumusan

Sesungguhnya tahun 2017 meninggalkan banyak kenangan manis dan pahit yang akan terlakar dalam diari sejarah jabatan. Saya mengharapkan tahun 2018 akan menjadi lebih cemerlang dengan kemampuan jabatan untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti yang memberi faedah kepada masyarakat. Staf jabatan juga diharapkan terus menerbitkan buku dan menjalankan penyelidikan berimpak tinggi.

Sebelum mengundur diri saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Krismas kepada mereka yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baharu kepada semua.



Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja

Tokoh Akademik Negara



Jabatan Sejarah berbangga untuk meraikan kejayaan YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Akademik Negara ke-10 dalam Majlis Anugerah Akademik Negara 2017 (AAN) oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh. Pemenang utama Anugerah Tokoh Akademik Negara menerima hadiah wang tunai RM200,000 berserta trofi dan sijil.

Prof. Khoo telah menyumbang kepada disiplin sejarah untuk jangkamasa yang lama dan kejayaan ini memang dinanti-nantikan oleh jabatan. Jabatan berbangga dengan pencapaian ini yang pasti satu kejayaan besar untuk jabatan, fakulti dan universiti.

Congratulations!

Seminar jabatan berjudul “**Malaya After World War II: In the Throes of Nation Building**” telah disampaikan oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim pada 29 September 2017 dan telah dihadiri oleh pelajar, pihak luar dan staf akademik.



History Department Seminar

**MALAYA AFTER WORLD WAR II:
In the Throes of Nation Building**

Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

Buruh Paksa Jambatan Maut Dihantui Azab 75 tahun

Oleh Hafizah Iszahanid

(Terbit dalam Berita Harian Online pada 29 Ogos 2017)

KUALA LUMPUR: Wacana Sejarah: *Forgotten Victim of Siam-Burma Death Railway* di Universiti Malaya (UM) di sini, Sabtu lalu, sangat luar biasa untuk Arumugam Kandasamy, 90, iaitu bekas penterjemah tentera Jepun yang pernah berkhidmat di projek jambatan kereta api maut Sungai Kwai, Burma (kini Myanmar) pada 1942 yang sejarah hitamnya tidak terpadam hingga hari ini. Selepas 75 tahun berlalu, Arumugam dijemput menjadi panel wacana anjuran Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM) dan *Death Railway Interest Group* (DRIG).

Dalam usia tuanya, mengenang peristiwa lampau memang sangat sukar, ditambah dengan kemarahan dan dendam yang belum padam. Malah, sepanjang acara itu juga Arumugam beberapa kali menyebut, beliau bernasib baik kerana masih hidup dan dapat pulang ke kampung halamannya di Rantau, Negeri Sembilan kerana ditugaskan sebagai penterjemah. Jika turut dikerah membina jambatan maut yang menghubungkan Siam (Thailand) dan Burma (Myanmar) itu, Arumugam sendiri ragu-ragu apakah beliau mampu bertahan untuk terus hidup. "Saya dibawa ke Nikki, sempadan Siam dan Burma ketika berusia 15 tahun. Bersama saya adalah abang kandung dan 48 penduduk Estet Ling Seng, Rantau". "Ketika Jepun datang ke estet, mereka mengajak kami ke sana untuk memulakan hidup baharu. Kami hanya berfikir untuk bermula atau bekerja mencari duit," katanya dalam sesi yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh cucu bekas buruh paksa, Ganapathy. Kemarahan belum reda. Dibawa ke sana pada 1942, Arumugam melihat sendiri abang kandungnya meninggal dunia akibat penyakit dan mayatnya tidak diuruskan sebaik mungkin. "Hingga sekarang walaupun sudah 75 tahun, marah saya masih belum reda dan tidak pernah ingin kembali ke sana," katanya.


Sejarah pembinaan landasan kereta api merentasi Sungai Kwai yang menghubungkan Siam dan Burma memang penuh tragik. Selain 13,000 tawanan perang dalam kalangan anggota tentera bersekutu yang dikurung di Penjara Changi, Singapura, ia turut membabitkan lebih 100,000 buruh paksa dalam kalangan orang awam penduduk Tanah Melayu, Indonesia, Thailand dan Burma. Mengimbau kembali perjalanan beliau ke Nikki, Arumugam berkata, mereka bertolak dari estet ke Singapura menaiki lori sebelum menuju Saigon dengan kapal hingga ke Phnom Penh dan akhirnya ke Kanchanaburi, Siam. Dari Kanchanaburi, Arumugam dan kumpulan pekerja lain berjalan kaki ke Nikki yang mengambil masa 12 hari. Mayat disusun seperti benteng. "Sepanjang perjalanan saya melihat mayat bergelimpangan. Waktu itu hati saya sudah kecut, apakah saya boleh kembali ke Rantau dengan selamat?"

The book cover features the title 'THE DEATH RAILWAY' in large, bold, white letters against a black background. In the top right corner, there is a red ribbon-like graphic with the text 'People's History'. The bottom of the cover shows a photograph of a railway bridge over a river at sunset, with lush green trees in the background. At the bottom, there is event information: '26 August 2017 (Saturday)', '3.00 pm - 5.00 pm', 'Lecture Theatre A', 'Faculty of Arts & Social Sciences', 'University of Malaya', and 'Jointly organised by the Department of History, University of Malaya and Death Railway Interest Group (DRIG)'.



...bersambung di ms 6

AKTIVITI AKADEMIK



"Tiba di kem Jepun di Nikki, lebih banyak mayat ditemui, tetapi disusun seperti benteng," katanya. Arumugam dalam usia 90 tahun kelihatan masih sihat dan gagah melangkah. Malah ingatannya terhadap kepedihan 75 tahun lalu masih sangat segar. Patah katanya pantas dan laju bercerita mengenai kehidupan di kem sepanjang hampir dua tahun yang disifatkannya sangat menyayat hati. "Kami hanya makan sehari sekali tetapi dikerah bekerja setiap hari dengan tempoh masa yang panjang". "Ramai orang mati sebab makanan yang tidak bersih, cirit-birit yang berpanjangan dan masalah kesihatan seperti luka yang lama-kelamaan menjadi bernanah, membesar serta membuatkan pergelangan kaki menjadi genting," katanya. Mangsa dibuang hidup-hidup. Paling sukar dilupakannya adalah kawasan yang dinamakan Sangili yang terletak jauh sedikit dari kem. Di situ, terdapat lubang besar digali untuk menghumban mayat. "Ada-kala saya melihat orang yang belum mati tetapi sakit teruk dicampakkan ke lubang itu," katanya dengan nada perlahan.

Arumugam menyebut kerana tugasnya sebagai penterjemah, beliau boleh dikira bernasib baik berbanding kawan-kawan yang lain. Bagaimanapun tentera Jepun selalu bersamanya kerana ingin tahu apa yang dibualkan oleh buruh paksa berbangsa India.

Hampir dua tahun di Nikki, projek membina landasan kereta api sejauh 420 kilometer itu siap sepenuhnya pada Disember 1943. Ketika itulah, kata Arumugam, beliau dihantar kembali ke Singapura untuk balik ke Tanah Melayu. Hanya tujuh selamat. Daripada 50 buruh paksa

yang datang bersamanya ke Nikki, hanya tujuh orang berjaya pulang dengan selamat.

Berkongsi bagaimana beliau boleh mempelajari bahasa Jepun, Arumugam menjelaskan proses pembelajarannya berlangsung secara tidak formal. "Saya belajar dengan kamus yang mudah didapati di estet ketika itu. Dari situ, saya boleh membina ayat mudah dan faham bahasa mereka," katanya yang disokong oleh pakar sejarah, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim yang turut diundang sebagai panel jemputan.

Tegas Kay Kim, bukan luar biasa Arumugam dapat mempelajari bahasa Jepun menerusi kamus kerana sebelum Jepun menawan Tanah Melayu, mereka sudah memiliki beberapa estet di Negeri Sembilan.

Tiada kajian mangsa jambatan maut. Sementara itu, Presiden DRIG, Chandrasekaran Ponnusamy, berkata sehingga kini belum ada kajian akademik mengenai mangsa jambatan maut dibuat oleh sarjana tempatan. "Kebanyakan kajian datang dari Barat atau Jepun, manakala sarjana tempatan masih belum ramai yang tampil berbuat demikian sedangkan masa kian suntuk untuk mereka terus bercerita," katanya.

Tanpa dokumentasi dan kajian mendalam daripada sumber primer, kisah tragik ratusan ribu buruh paksa landasan kereta api maut itu akan luput daripada ingatan kolektif bangsa ibarat perjalanan panjang yang tidak mempunyai 'stesen terakhir' tetapi hilang ditelan kabus zaman.



SEJARAH


Journal of the Department of History

Jurnal jabatan iaitu **Sejarah** yang mempunyai sejarah yang panjang menyaksikan satu perubahan besar dalam kaedah pengurusan jurnal pada tahun ini. Jurnal Sejarah telah berpindah dari domain lama iaitu UM-online kepada Online Journal System (OJS) yang menyaksikan semua urusan penerimaan dan penolakan artikel akan dibuat secara atas talian. Seorang Pengurus Jurnal akan dilantik untuk mengurus penerimaan dan pengagihan artikel untuk dinilai oleh penilai dalam dan luar.

Pemindahan ini juga menyaksikan kesemua artikel sejarah yang mula diterbitkan sejak 1988 dimuatnaik dalam sistem baharu. Ini adalah kali pertama kesemua artikel yang jumlahnya sebanyak 252 boleh dikesan secara atas talian.

OJS juga menyaksikan jabatan mencipta *banner* tersendiri untuk mempromosi jurnal. Jurnal Sejarah yang menerima wajah baharu pasti akan menarik perhatian ramai dan sekali gus mempromosikan jurnal di persada antarabangsa.

Seperkara yang tidak diketahui ramai ialah *Sejarah* adalah jurnal tempatan kedua terbanyak yang dimuat turun oleh penyelidik dalam Mycite dengan jumlah muat turun setakat ini berjumlah 25,741. MyCite adalah sistem indeks sifasi dan bibliometriks bagi jurnal, penyelidikan dan institusi di Malaysia. Ini adalah satu kejayaan yang perlu diraikan. Jabatan yakin penambahbaikan ini akan membuka peluang kepada jabatan untuk menaik taraf jurnal ini ke status scopus dalam waktu yang terdekat.



AKTIVITI AKADEMIK

Seminar Jabatan berjudul “Pan-Islamic Plot or Colonial Paranoia? Ottoman Activities in Southeast Asia, c. 1850-1916” telah disampaikan oleh Prof. Andrew Peacock, Prof. Pelawat Jabatan Sejarah dari Universiti St. Andrews, United Kingdom. Beliau telah melaporkan diri di jabatan pada bulan September dan akan berada di fakulti sehingga Mac 2018. Seperti seminar-seminar sebelum ini, seminar ini juga telah mendapat sambutan yang baik dan dihadiri oleh sarjana dari dalam dan luar negara, pelajar, staf akademik jabatan dan fakulti.

SEMINAR JABATAN



UNIVERSITY OF MALAYA DEPARTMENT SEMINAR

PAN-ISLAMIC PLOT OR COLONIAL PARANOIA?
Ottoman Activities in Southeast Asia, c.1850-1916
By Professor Andrew Peacock



11 November 2017 (Saturday)
8.00 pm - 9.30 pm
Lecture Theatre F, Faculty of Arts & Social Sciences, University of Malaya



AKTIVITI AKADEMIK

ANUGERAH



Jabatan Sejarah merakamkan ucapan tahniah kepada **Prof. Dr. Danny Wong Tze Ken** kerana dianugerahkan pingat Panglima Gemilang Darjah Kinabalu yang membawa gelaran Datuk pada 7 Oktober 2017.

KAJIAN



■ **Noraini Mohamed Hassan**, Institusi Penyelidikan Perubatan (Institute for Medical Research) Sebagai Instrumen Pembangunan Sosioekonomi Negeri-negeri Melayu, Principal Investigator(PI), 2017 - 2018, Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG Programme) - SBS (Equitable Society), (University).

■ **Mardiana Nordin**, Melaka Sebagai Emporium Perdagangan Antarabangsa Abad ke-15, 2017 – 2018, Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG Programme) - SBS (Equitable Society), (University).

PERUNDING



- **Shakila Jacob**, Talent Acceleration Public Service (TAPS), 2017-2017, International Institute of Public Policy and Management.
- **Zulkarnain Abdul Rahman**, Persaingan Politik Melayu di Semenanjung Malaysia 1978-2013, 2016-2016, Universiti Malaya.

PASCA SISWAZAH



Pembentangan Proposal Ijazah Tinggi
Meri a/p Anad (AHA160004), Penelitian Aspek Sosial, Ekonomi Dan Politik Masyarakat Siam Di Kedah, Perlis, Pulau Pinang Dan Perak, 1957-2012 di bawah penyeliaan Dr. Azharudin Mohamed Dali dan Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus pada 24 Oktober 2017 (Selasa), jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Sumber, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

Pembentangan Candidature Defence Ijazah Tinggi - Abdullah bin Abdul Hamid (AGB140022), Orang Melayu Dan Perniagaan: Kajian Terhadap Penglibatan Ngah Ibrahim Dalam Perniagaan Di Perak 1850-1877 di bawah penyeliaan Dr. Azharudin Mohamed Dali dan Prof Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria Ghazali pada 24 Oktober 2017 (Selasa), jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Sumber, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

Pembentangan Seminar Akhir Ijazah Tinggi Nur Ain binti Abd Muin (AGB 120018), Pengurusan Sampah Di Kuala Lumpur, 1974-2004 di bawah penyeliaan Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus pada 24 Oktober 2017 (Selasa), jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Sumber, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

PENULISAN



- **Ummadevi Suppiah & Sivachandralingam Sundara Raja (2017)**, "Chettiar Capital and the Emergence of the Chinese Bourgeois in British Malaya", *Kajian Malaysia*, Vol. 35, No. 1, 2017, 1-21
- **Danny Wong Tze Ken**, "The Name of Sabah and the Sustaining of a New Identity in a New Nation", *Sabah Society Journal*, Vol. 33, 2017, pp. 57-74.
- **Danny Wong Tze Ken & Tan Miao Ing**, "The Development of Chinese Capitalism in Malaysia: The Cases of H.S. Lee and Robert Kuok", in Yos Santasombat (ed.), *Chinese Capitalism in Southeast Asia: Cultures and Practices*, London: Palgrave Macmillan, 2017, pp. 85-102.
- **Joseph M.Fernando & Shantiah Rajagopal**, "Fundamental Liberties in the Malayan Constitution", *International Journal of Asia Pasific Studies*, Vol. 13, No. 1, 2017, pp. 1-28.
- **Shapiza Bt. Sharif & Arba'yah Bt. Mohd Noor**, "The Brickmaking Industry in Kuala Lumpur in the Late Nineteenth Century", *JMBRAS*, Vol. 90, Pt. 1, No. 312, June 2017, pp. 61-72.


PERSATUAN SEJARAH



- Hari Interaksi Sejarah (HARIS) pada 30 September 2017 (Sabtu) bertempat di Dewan Kuliah A.
- Mesyuarat Agung Tahunan PSUM 2017/2018 pada 10 November 2017 (Jumaat) bertempat di Dewan Kuliah E, FSSS.

MINGGU HALUANSISWA

Majlis Minggu Haluansiswa Jabatan bagi menyambut pelajar baru telah diadakan pada 7 September 2017 di Dewan Kuliah D, Fakulti Sastera & Sains Sosial. Seramai 50 pelajar telah mendaftar di jabatan pada sesi akademik ini dan jumlah ini adalah bilangan paling ramai di fakulti. Majlis ini telah dimulakan dengan pengenalan jabatan oleh Ketua Jabatan, Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja dan diikuti oleh ceramah sejarah dan kemajuan diri oleh Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus.



AKTIVITI AKADEMIK

SEMINAR GURU SEJARAH

Jabatan Sejarah menganjurkan Seminar Guru Sejarah bertemakan ‘Pemantapan dan Pengisian Ilmu Sejarah: Topik Terpilih dalam Sukatan Sejarah Tingkatan 5’ selama dua hari iaitu pada 10 dan 11 Ogos 2017 bertempat di Dewan Kuliah C, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Seminar ini dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Hanafi Hussin, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada jam 9.00 pagi, 10 Ogos 2017.

Seminar untuk guru-guru Sejarah di seluruh Malaysia ini dikhususkan untuk memberi pendedahan tentang konten/isi kandungan tema-tema terpilih Sejarah Tingkatan Lima; menunjuk cara kaedah menggubal soalan sejarah berdasarkan tema-tema dalam sukanan sejarah Tingkatan Lima dan membincang serta mencadangkan kepada guru-guru, bahan bacaan dan kajian terkini mengenai Sejarah Malaysia.

Pada hari pertama, slot yang diperuntukkan adalah empat sidang pembentangan kertas kerja oleh 12 orang kakitangan Jabatan Sejarah berdasarkan tema-tema terpilih Sejarah Tingkatan Lima. Para peserta mendapat manfaat yang sangat besar daripada pembentangan yang dilakukan terutamanya kepelbagaiannya perspektif dalam menganalisis peristiwa sejarah dan cadangan penggunaan bacaan ilmiah yang lebih meluas untuk memberi idea kepada para peserta meningkatkan penguasaan bahan pengajaran. Tajuk-tajuk yang dibentangkan adalah ‘Kemahiran Pemikiran Sejarah: Meneroka Makna Demokrasi di Malaysia’, ‘Tema Pembangunan Ekonomi’, ‘Peranan dan Sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa’, ‘Penubuhan Persekutuan Malaysia dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima’, ‘Pembinaan Negara dan Bangsa’, ‘Pembangunan dan Perpaduan Bangsa’, ‘Malayan Union dan Persekutuan 1948’, ‘Pergerakan Politik di Sarawak: Isu Penyerahan Sarawak kepada British’, ‘Kesultanan Melayu Melaka’, ‘Warisan Negeri-negeri Melayu’, ‘Perjuangan Pemimpin Tempatan Menentang British’, dan ‘Gerakan Nasionalisme Sehingga Perang Dunia Kedua’.

Hari kedua seminar dikhaskan untuk sesi dialog dan percambahan idea. Sesi ini berlangsung selama dua jam dari pukul 9.30 pagi sehingga 11.30 pagi. Dalam sesi ini, para peserta dapat berkongsi pengalaman, idea pengajaran, kekurangan dalam pembelajaran mata pelajaran Sejarah dan perkara-perkara khusus yang berkait dengan peperiksaan Sejarah di peringkat SPM daripada empat orang penceramah yang diundang khas. Mereka adalah Encik Bahtiar Sukor (Guru Cemerlang Sejarah dan Pengurus Persatuan Guru Sejarah Malaysia), Puan Hanita Ladjaharun (Guru Cemerlang Sejarah dan Anugerah Ikon Guru Kebangsaan 2014), Dr. Ummadevi a/p Suppiah (Pensyarah Jabatan Sains Sosial, IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka) dan Encik Mad Som (wakil Lembaga Peperiksaan Malaysia).

Sungguhpun julung kali diadakan, Jabatan Sejarah mendapat maklum balas yang sungguh memberangsangkan daripada semua peserta yang hadir. Mereka mencadangkan supaya seminar seperti ini dianjurkan lagi pada masa hadapan dengan mempelbagaikan tema perbincangan dan memanjangkan tempoh seminar.





AKTIVITI AKADEMIK

SEMINAR STPM PERINGKAT KEBANGSAAN 2017

Pada 9 September 2017, Jabatan Sejarah menganjurkan Seminar STPM Peringkat Kebangsaan 2017 bertempat di Dewan Kuliah A dan B, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Seminar selama sehari ini bertujuan menghimpunkan pelajar-pelajar Tingkatan Enam Penggal 1 dan 3 daripada seluruh negara untuk mendedahkan mereka kepada kaedah terbaik menjawab soalan peperiksaan, kelemahan dan kekuatan jawapan serta analisis topik-topik yang perlu diberi perhatian.

Seminar kali ini memberikan tumpuan kepada empat mata pelajaran iaitu Sejarah, Bahasa Melayu, Pengajian Am dan Ekonomi. Jabatan Sejarah telah menjemput empat orang penceramah yang berpengalaman luas dalam pengajaran keempat-empat mata pelajaran tersebut selain kelebihan sebagai pemeriksa kertas. Mereka adalah Puan Kalaivani a/p Govindarajoo (Sejarah), Encik Md Lasa Yahya (Pengajian Am), Encik Mohd Khir Kassim (Bahasa Melayu) dan Puan Hajah Suhiliah Mohd Salleh (Ekonomi).

Sesi seminar dipecahkan kepada dua iaitu Penggal 1 di Dewan Kuliah A dan Penggal 3 di Dewan Kuliah B. Sambutan daripada para pelajar sungguh menggalakkan. Guru-guru yang mengiringi mereka juga tidak melepaskan peluang berkongsi idea dan pandangan dengan para penceramah. Secara keseluruhannya, seminar ini berjaya menghimpunkan 239 peserta yang terdiri daripada pelajar dan guru pengiring. Para peserta datang dari Sabah, Sarawak, Johor, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Kelantan dan Kedah. Jumlah peserta yang paling ramai adalah dari SMK Sulaiman, Bentong, Pahang iaitu 39 orang diikuti SMJK Chung Hwa, Kota Bharu (37 orang), SMK Agama Pahang Muadzam Shah (35 orang) dan SMK Kampung Pasir Puteh, Ipoh, Perak (33 orang). Selebihnya berada dalam purata antara seorang hingga 22 peserta yang mewakili sekolah masing-masing.



SEMINAR STPM PERINGKAT KEBANGSAAN 2017

AKTIVITI AKADEMIK



KEPELBAGAIAN GENRE: *Ke Arah Memperkayakan Pensejarahan Malaysia*

Dr. Azharudin Mohamed Dali

Sejak sebelum merdeka sehingga ke hari ini, pensejarahan Malaysia telah melalui perkembangan yang sangat menarik. Meskipun kajian dan penulisan dilihat masih lagi didominasi oleh hal-hal berkaitan dengan aspek politik dan pentadbiran, namun genre-genre lain turut mendapat tempat. Malah kebelakangan ini, kepelbagaian genre itu telah semakin menonjol.

Kamus Dewan mendefinisikan genre sebagai "jenis karya". Ini bermakna, genre dalam penulisan ini merujuk kepada jenis-jenis pensejarahan atau penulisan sejarah yang dihasilkan oleh kalangan pengkaji sejarah atau sejarawan. Usaha mengembangkan pensejarahan Malaysia telah menjadi antara agenda penting yang dipikul oleh kalangan sejarawan di negara ini dan dalam situasi ini, kalangan pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya dilihat berada di barisan depan untuk menangani hal itu.

Sebagai sebuah jabatan sejarah yang tertua di negara ini, pastinya kalangan pensyarah di Jabatan Sejarah mempunyai iltizam dan semangat yang tinggi untuk mengembangkan bidang sejarah di negara ini. Bukan sekadar aspek pengajaran di dewan kuliah dan bilik-bilik tutorial sahaja yang diberikan penekanan, malah aspek penyelidikan dan penerbitan turut dititikberatkan. Berasaskan kepada kerangka tersebut, ahli-ahli

jabatan dilihat terus berusaha menjayakan keinginan untuk memartabatkan sejarah sebagai disiplin ilmu yang dapat memberi pulangan besar bukan sahaja kepada aspek perkembangan sejarah itu sendiri, tetapi juga kepada pembentukan modal insan secara keseluruhannya. Bersama-sama dengan kalangan sejarawan dari universiti-universiti lain, telah wujud satu jaringan sejarah yang mampu mengangkat disiplin ilmu ini ke tahap yang lebih tinggi. Setiap ahli sejarah tidak lagi boleh bergerak secara individu atau bersendirian. Jaringan sejarah ini pasti akan memberi banyak manfaat kepada perkembangan sejarah di negara ini.

Jika diperhatikan, perkembangan sejarah di negara ini bukan sahaja didokong oleh kalangan ahli akademik di jabatan sejarah seperti di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris mahupun bahagian/unit sejarah seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan sebagainya, malah terdapat juga bidang sejarah seperti Persatuan Sejarah Malaysia yang mempunyai cawangan di setiap negeri. Selain itu, ilmu sejarah juga turut disandang oleh kalangan individu yang mempunyai minat mendalam terhadapnya. Penglibatan Arkib Negara, Muzium Negara, dan sebagainya dalam




memartabatkan sejarah sebenarnya wajar diberikan pujian.

Hasil dari gabungan usaha ini, maka penyelidikan dan penulisan sejarah kini telah pelbagai bentuknya. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dilihat terus menjadi pemacu penting dalam memperkayakan sejarah negara. Ketika genre sejarah politik, pentadbiran, perlembagaan dan pemerintahan terus ditekuni, dan ketika bidang pensejarahan Melayu masih terus menjadi antara nadi kekuatan jabatan, kini pelbagai genre sejarah telah muncul. Sejarah kesihatan yang diterajui oleh Dr. Noraini Mohamed Hassan terus melalui perkembangan pesat sama ada melalui kajian dan penulisan-penulisan beliau mahupun sewaktu membimbing pelajar-pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan pelajar Pasca Siswazah. Malah, penulis merasakan, jika tidak salah perhitungan, hanya di Jabatan Sejarah Universiti Malaya sahaja kursus mengenai sejarah kesihatan diperkenalkan kepada pelajar. Sejarah perniagaan yang diterajui oleh Prof. Dr. Shakila Parween Yacob telah memberi satu dimensi baharu mengenai aspek ini dan ia memberi ruang kepada kalangan pelajar untuk melakukan pelbagai kajian yang berkaitan dengan bidang ini.

...bersambung di ms 16

KOMEN ISU SEMASA

Penulis sendiri telah meneroka sejarah perisikan yang merupakan sebahagian daripada sejarah peperangan dan keselamatan. Ia cuba melihat sejarah dari perspektif yang berbeza dengan menjadikan hal-hal berkaitan penyuluhan, propaganda, tipu muslihat dan seumpamanya sebagai asas kajian. Dr. Ho Hui Ling pula menekuni Sejarah Darurat.



Malah jika dilihat secara keseluruhan, setiap kakitangan telah berusaha untuk memperkayakan pensejarahan Malaysia berdasarkan kepada minat, ketekunan dan iltizam yang tinggi semata-mata untuk membolehkan graduan yang dilahirkan oleh Jabatan Sejarah, Universiti Malaya melalui dan menerima pengetahuan sejarah yang secukupnya. Gabungan antara kursus-kursus sejarah yang asas dan penting samaada sejarah politik, ekonomi dan

sosial Malaysia serta luar Malaysia dengan kursus-kursus yang lebih menjurus sifatnya dan mengkhusus ini dilihat akan memberi manfaat besar kepada pelajar-pelajar di Jabatan. Dari sudut ini, graduan lepasan Jabatan Sejarah Universiti Malaya menikmati lebih banyak "karya sejarah" jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka di institusi lain.

Meskipun demikian, perlu diakui bahawa masih terdapat banyak ruang yang belum diteroka mengenai sejarah negara ini. Sejarah alam sekitar misalnya masih lagi belum diketengahkan kerana ketidaaan calon yang menekuninya. Jika ada sekali pun, masih belum menampakkan hasil yang memuaskan. Hal ini pastinya merupakan satu kerugian kerana genre sebegini mempunyai potensi yang begitu besar. Sejarah Pentadbiran Awam juga masih belum diteroka sepenuhnya. Meskipun telah ada usaha ke arah itu sebagaimana yang ditunjukkan oleh buku *Dasar dan Tadbir Dalam Sejarah* yang editornya Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Dr. Noor Ain Mat Noor serta *Sejarah Perjuangan SPRM* yang juga dihasilkan oleh gabungan tenaga

pensyarah Jabatan Sejarah iaitu Prof. Madya Dr. Zulkainain Abdul Rahman, Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan lulusan PhD. Jabatan Sejarah, Dr. Noor Ain Mat Noor, namun satu kajian yang menyeluruh mengenai sejarah perkhidmatan awam masih belum dilaksanakan sepenuhnya.

Keadaan ini meninggalkan ruang yang cukup besar bagi kalangan pelajar sejarah yang berminat untuk terlibat dalam melakukan penyelidikan terhadap aspek-aspek tersebut. Adalah diharapkan, dengan bimbingan yang telah diberikan, maka ada di antara pelajar-pelajar ini nanti yang akan mengambil alih kedudukan kami, kalangan pensyarah yang telah semakin hari semakin hampir untuk menamatkan perkhidmatan di jabatan ini. Penyelidikan dalam pelbagai genre ini pastinya akan memperkaya dan melengkapkan lagi pensejarahan Malaysia yang wujud hari ini. Lebih penting lagi, keunggulan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya sebagai "pemegang obor" disiplin sejarah di negara ini perlu diteruskan dan dipergiat setingga yang mungkin.



PERSONALITI JABATAN SEJARAH



DR.LEE KAM HING

DR. LEE KAM HING menerima pendidikan awal di Sentul Methodist Boys' School pada tahun 1949. Beliau menuntut di sekolah ini sehingga tahun 1957. Antara tahun 1958 sehingga 1961, beliau menjadi pelajar di Anglo-Chinese School, Ipoh sebagai memenuhi pengajian di peringkat menengahnya. Selanjutnya, Dr. Lee meraih Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian daripada Universiti Malaya pada tahun 1965. Selepas menyelesaikan pengajian ijazah pertama, Dr. Lee dilamar sebagai pengajar (tutor) di Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Dalam tempoh ini, beliau berjaya menyempurnakan pengajian sarjananya di universiti yang sama dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1968. Pada tahun 1973, tatkala menekuni kajian doktor falsafah di Universiti Monash, Australia, Dr. Lee menerima tawaran sebagai pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Kegembiraan beliau berganda pada tahun berikutnya (1974) apabila dianugerahkan pula ijazah doktor falsafah.

Bermula sebagai pengajar pada tahun 1965, Dr. Lee telah berkhidmat selama 32 tahun di Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Dalam tempoh ini, beliau dilantik sebagai Profesor Madya (1980-1993) dan Profesor (1994-1997) juga pernah menjadi Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial

(1978-1980) dan Ahli Senat Universiti Malaya (1978-1980 dan 1994-1997). Beliau turut meraih dua biasiswa iaitu Monash University Research Scholarship (1969-1970) dan Ford Foundation Graduate Fellowship (1971-1973) selain diangkat sebagai Ilmuan Harvard-Yenching di Universiti Harvard (1976-1977) dan Felo Pelawat di KoninklikInstitutvoorTaal, land, en Volkunde, Leiden, selama enam bulan pada tahun 1983.

Walaupun Dr Lee menamatkan khidmatnya di Universiti Malaya pada tahun 1997 namun beliau tetap mencerah bakti dan ilmu kepada negara. Pada tahun 1998 sehingga 2009, tokoh ini berkhidmat sebagai Research Editor (1998-2008) dan Research Advisor (2009) di Star Publications. Selepas itu, beliau kembali ke Universiti Malaya sebagai Felo Penyelidik Kanan selama tujuh tahun iaitu dari 2010 sehingga 2017. Kini, Dr Lee merupakan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Korporat) Kolej Universiti New Era di Kajang.

Sejak tahun 1978 hingga kini, Dr. Lee turut menyumbang bakti sebagai ahli jawatankuasa, ahli lembaga pengaroh, perunding, penasihat dan kurator kehormat dalam tidak kurang daripada 24 organisasi dalam dan luar negara. Lebih dari itu, beliau juga pernah terlibat dalam program pengajaran di universiti dalam dan luar negara.



Sesungguhnya, penglibatan beliau ini memperlihatkan *versatility* yang dimiliki oleh seorang ilmuan dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Kekuatan beliau ini dilengkapkan pula dengan sumbangannya terhadap dunia penulisan akademik. Dr. Lee telah menghasilkan sekian banyak buku, artikel jurnal, bab dalam buku dan kertas persidangan di samping menjadi penilai manuskrip dan pemeriksa tesis.

Kecemerlangan Dr. Lee dalam kerjaya tidak menenggelamkan dirinya daripada lingkungan keluarga. Kehidupan yang dibina bersama-sama isteri tercinta, Celine Ng Sok Sim yang merupakan graduan Jabatan Geografi, Universiti Malaya, dilengkapkan dengan kehadiran tiga orang cahaya mata, dua orang perempuan dan seorang lelaki. Didikan dan asuhan yang diberikan menjadikan anak-anak mereka berjaya membina karier masing-masing. Dr. Lee juga seorang yang suka aktifiti sukan dan riadah. Ketika di bangku sekolah, beliau bermain kriket dan ping pong sementara di Universiti Malaya, beliau mengambil bahagian dalam sukan bola sepak kakitangan universiti dan pernah bermain bersama-sama dengan YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim. Beliau masih meneruskan aktifiti riadahnya hingga kini cuma kali ini beliau beralih kepada badminton.

PENERBITAN TERBAHARU



Apakah peranan, sumbangan dan pencapaian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tempoh 50 tahun dari 1967-2017? Bagaimana kronologi peruntukan undang-undang berkaitan jenayah rasuah? Bilakah titik tolak kepada penubuhan organisasi pencegahan rasuah? Dalam konteks tiga persoalan inilah buku ini memiliki kelainan dan keistimewaan yang tersendiri. Buku ini merupakan penulisan pertama berkaitan dengan sejarah undang-undang jenayah rasuah dan pencapaian institusi pencegahan rasuah di Malaysia merentas zaman.

Penubuhan Unit Jenayah Khas dan Unit Pencegahan Rasuah pada tahun 1959 perlu diambil kira sebagai titik tolak ke arah penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada tahun 1967 apabila kedua-dua unit sedia ada ini digabungkan menjadi satu institusi bertaraf sebuah jabatan penuh dan terpisah sepenuhnya daripada pasukan Polis Diraja Malaysia. Selepas melalui beberapa perubahan, pada tahun 2009, BPR telah bertukar kepada sebuah suruhanjaya.

Dalam tempoh 50 tahun penubuhannya, SPPRM telah memberi sumbangan yang sangat bererti di peringkat nasional dan antarabangsa dalam memperkasakan kesedaran masyarakat untuk tidak terbabit dengan jenayah rasuah.

Buku ini adalah rujukan penting dan autentik untuk mengetahui sejarah dan pencapaian SPRM membanteras jenayah rasuah di Malaysia.

PERSATUAN SEJARAH

PERSATUAN SEJARAH UNIVERSITI MALAYA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PSUM 2017/2018

TARIKH: 10 NOVEMBER 2017
MASA: 3-5 PETANG
TEMPAT: DEWAN KULIAH E, FSSS

- SEMUA AHLI DIJEMPUT HADIR -

LIKE PAGE PERSATUAN SEJARAH

Hari Interaksi Sejarah (HARIS)
30.9.2017 (Sabtu)



*Selamat Menyambut
Hari Krismas &
Tahun Baru
2018*



*Merry
CHRISTMAS AND A HAPPY
New Year*

AKTIVITI AKAN DATANG

Seminar **GURU SEJARAH**

Pemantapan dan Pengisian Ilmu Sejarah:
Topik Terpilih dalam Sukatan Sejarah
Tingkatan 4

11-12 Ogos 2018

Anjuran

JABATAN SEJARAH

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya



JABATAN SEJARAH
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR
Tel: 03-79675507/5569/5582
Faks: 03-79675463
Emel: sas_sejarah@um.edu.my
Laman Sesawang: history@um.edu.my
Facebook: Jabatan Sejarah

Seminar STPM Peringkat Kebangsaan

September 2018

Anjuran

JABATAN SEJARAH
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya



KEAHLIAN JABATAN

Ketua Jabatan

Prof. Madya Dr. Sivachandralingam
Sundara Raja

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Profesor Emeritus

Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Dato' Wira Dr. Mohd Yusoff Hashim

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Profesor

Prof. Datuk Dr. Danny Wong Tze-Ken

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Prof. Dr. Shakila Parween Yacob

B.A (Malaya), M.A (Western Michigan),
Ph.D (Reading)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Joseph Milton Fernando

B.A (Hull), Ph.D (London)

Prof. Madya Dr. Hamidin Abdul Hamid

B.A (Malaya), M.A (London), Ph.D (London)

Prof. Madya Dr. Zulkanaain Abdul Rahman

B.A (Malaya), M.A (Leeds), Ph.D (East

Anglia)

Pensyarah Kanan

Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Dr. Arba'iyah Mohd Noor

B.A (UIA), M.A (Lancaster), Ph.D (Malaya)

Dr. Azharudin Mohamed Dali

B.A (Malaya), M.A., Ph.D (London)

Dr. Ho Hui Ling,

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Dr. Mardiana Nordin

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Dr. Abu Hanifah Haris

B.Ed (UPSI), Ph.D (Malaya)

Dr. Noraini Mohamed Hassan

B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Dr. Akiko Sugiyama

B.A (Keio), M.A. (Ohio), Ph.D. (Hawaii)

Pensyarah

Puan Salina Zainol

B.A (Malaya), M.A (Malaya)

Profesor Pelawat

Prof. Dr. Daniel Georges Perret

B.A (France), Ph.D (Paris)

Prof. Andrew Peacock

B.A (Oxford), Ph.D (Cambridge)

SIDANG PENGARANG BULETIN SEJARAH

Ketua Pengarang

Prof. Madya

Dr. Sivachandralingam

Sundara Raja

Timbalan Pengarang

Dr. Ahmad Kamal Ariffin

Mohd Rus

Setiausaha

Dr. Noraini Mohamed

Hassan

MISI JABATAN SEJARAH

Untuk menjadi pusat terulung dalam pengajian ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat, negara dan umat manusia, dalam wawasan untuk menjadikan Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya sebagai pusat pengajian Sejarah Malaysia seluruh dunia.

OBJKTIF JABATAN SEJARAH

- Melahirkan graduan sejarah yang cemerlang, bermutu dan berwibawa, di samping menjayakan matlamat falsafah pendidikan negara dalam bidang sejarah.
- Melahirkan graduan sejarah yang mempunyai ciri-ciri daya saing dalam menghadapi cabaran semasa.
- Melahirkan graduan yang mempunyai perasaan kecintaan kepada negara.
- Melahirkan modal insan yang berfikiran kritis dan kreatif.
- Mbolehkan graduan sejarah mengaitkan ilmu sejarah dalam pekerjaan di sektor awam dan swasta yang memerlukan kemahiran penyelidikan dan analisis.
- Mbolehkan graduan sejarah mengambil ikhtiar daripada peristiwa sejarah dan menjadi asas perkiraan dalam menghadapi permasalahan semasa.

JABATAN SEJARAH

Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR
Tel: 03-79675507/5569/5582
Faks: 03-79675463
Emel: sas_sejarah@um.edu.my
Laman Sesawang: history@um.edu.my
Facebook: Jabatan Sejarah